

Penyelenggaraan projek pelancongan harus diutamakan

KUALA LUMPUR 21/2/03

Pembangunan projek pelancongan baru di negara ini perlu mengambil kira aspek penyelenggaraan bagi memastikan ia kekal menjadi tarikan pengunjung serta pembinaannya mencapai sasaran mempelbagaikan produk pelancongan tempatan.

Ini kerana kebanyakan tempat pelancongan sedia ada terus terbiar serta kurang mendapat perhatian pengunjung akibat tiada pihak yang bertanggungjawab untuk menyelenggara serta menjaga kebersihan kawasan berkenaan.

Sehubungan itu pihak terbabit termasuk kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan beberapa produk pelancongan baru perlu memastikan supaya perbelanjaan penyelenggaraan diberi keutamaan selain memikirkan keperluan terhadap pembinaannya.

Perkara berkenaan adalah antara cadangan yang diusulkan sewaktu Dialog Pelancongan New Straits Times - Travel Times 2003, yang diadakan di Hotel Mutiara KL, dekat sini, semalam.

Ia dibentangkan Presiden Persatuan Pelancongan Terengganu, Raja Datuk Kamarul Baharin Shah yang membincangkan mengenai Infra-

struktur Pelancongan: Adakah Memenuhi Kehendak Masa Depan?

Beliau berkata, tempat pelancongan yang dibina tanpa perancangan juga menyebabkan ia terbiar kerana pembinaannya tidak mengambil kira kepentingan serta keperluannya kepada aspek pelancongan.

Beliau berkata, mereka yang terabit secara langsung dalam sektor berkenaan terutama pemandu teksi dan bas perlu diberi pendidikan serta pengetahuan sewajarnya mengenai peranan mereka dalam membantu industri pelancongan.

"Kebanyakan pelancong merungut mengenai sistem pengangkutan di negara ini yang masih tidak dapat menawarkan perkhidmatan yang baik serta memuaskan," katanya pada dialog yang pertama kali diadakan itu.

Dialog yang disertai 200 peserta itu bertujuan mewujudkan satu pelan tindakan bagi menangani pelbagai isu pelancongan tempatan termasuk membabitkan krisis seperti penyakit dan peperangan yang menjejaskan industri berkenaan.

Dialog bertemakan 'Pelancongan: Langkah Ke Hadapan' itu dianjurkan bersama akhbar berkenaan dan Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia

(NTCM) serta dipengerusikan Ketua Pengarang New Straits Times (NST), Datuk Ahmad A Talib.

Ia disertai 200 peserta terdiri daripada pelbagai sektor di bidang pelancongan termasuk perhotelan, agensi pelancongan, kewangan serta pengangkutan.

Sementara itu sewaktu membincangkan tajuk Promosi Pelancongan: Adakah Ia Efektif?, yang dibentangkan Pengerusi Eksekutif Airzed, Mukhriz Mahathir, mencadangkan supaya satu kajian terhadap produk pelancongan dibuat untuk mengenal pasti keberkesanannya.

"Ini termasuklah mengadakan soal selidik di setiap pintu masuk dan keluar di negara ini untuk mendapatkan maklumat asas pelancong yang datang ke negara ini selain dapat mengetahui kehendak serta keperluan mereka terhadap industri ini," katanya.

Selain itu, sektor pelancongan juga perlu mengambil kira aspek komunikasi bagi memastikan setiap maklumat mengenai negara ini diperoleh dengan mudah oleh pelancong asing termasuk dengan menyediakan buletin khas untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai perkembangan semasa dalam negara.